

# Mendapan lubang tiga meter disebabkan pembetung pecah

UB 9.11.2016 AI

Oleh VIVI OLVIANA  
NAJURUS

**KOTA KINABALU:** Lubang besar yang terbentuk akibat mendapan di tengah jalan raya di Jalan Tuaran, berdekatan sebuah pusat beli-belah di Likas menyebabkan kesesakan lalu lintas sejak awal pagi kelmarin.

Lubang besar yang dianggarkan kira-kira tiga meter itu dikatakan terbentuk kira-kira jam 2 pagi kelmarin dengan kesan retakan pada jalan

berkenaan.

Seorang kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) berkata pihaknya turun ke lokasi kejadian bagi mengenal pasti apa yang berlaku sebelum meletakkan papan tanda bagi mengelak kemalangan.

Katanya, lubang akibat mendapan itu terbentuk disebabkan sambungan pembetung pecah di bawah tanah yang mengakibatkan hakisan.

"JKR dengan pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu kini mengadakan mesyuarat bagi menentukan

serta membincangkan tindakan perlu diambil bagi menanganinya.

"Proses membaiki pulih jalan dijangka mengambil masa selama kira-kira seminggu," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Geologi Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Felix Tongkul ketika dihubungi kelmarin berkata kejadian itu bukan fenomena 'sinkhole' seperti dikatakan orang ramai kelmarin.

Katanya, fenomena *Sinkhole* biasanya berlaku di kawasan yang mempunyai batu kapur sahaja.

"Apabila batu kapur yang senangterlarut meninggalkan ruang kosong di dalam tanah, tanah akan termendap dan berlakunya fenomena *Sinkhole*," katanya.

Tambahnya kawasan Kota Kinabalu tidak mempunyai sebarang kawasan batu kapur dan tiada kejadian 'sinkhole' akan berlaku di sini.

**ANGGOTA JKR** menjalankan pemantauan dan memasang papan tanda bagi mengelakkan kemalangan di lokasi kejadian.

